

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 MAC 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada syarikat 1MDB telah dianugerahkan konsesi penjanakuasa "Projek 3B" walaupun harga yang ditawarkan, 25.65 sen setiap kWh adalah lebih tinggi. Apakah sebab keputusan tersebut sedangkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal Suruhanjaya Tenaga telah memilih tawaran 25.23 sen sebagai tawaran yang terbaik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Suruhanjaya Tenaga telah memilih Konsortium 1MDB-Mitsui yang menawarkan tawaran tarif sebanyak 25.33 sen sebagai pembida yang berjaya dalam bidaan Projek 3B berasaskan faktor-faktor berikut:

- (i) Syarikat 1MDB telah mematuhi kesemua kriteria penilaian yang ditetapkan dalam *Request For Proposal* (RFP) serta menawarkan teknologi komponen-komponen utama loji janakuasa seperti *steam generator*, *steam turbin* dan *generator* yang terbukti dan telah beroperasi secara komersial;
- (ii) *Levelised tariff* yang kedua terendah pada kadar 25.33 sen/kWj iaitu perbezaan sebanyak 0.21 sen/kWj dengan Pembida yang menawarkan harga yang kompetitif tetapi gagal mematuhi kriteria teknikal;
- (iii) Kos projek/MW yang terendah pada RM5.406 juta/MW; dan

(iv) Kadar kecekapan *thermal* loji janakuasa yang tinggi, iaitu pada 39.54% (berdasarkan *higher heating value – HHV* bahan bakar arang batu).

3. Walaupun Konsortium YTL-SIPP telah menawarkan tarif yang terendah, adalah didapati bahawa ianya tidak mematuhi kriteria teknikal yang ditetapkan di dalam *Part 2* dalam dokumen RFP iaitu **spesifikasi steam generator** untuk loji janakuasa yang ditawarkan hendaklah berasaskan ***proven technology*** yang telah **beroperasi secara komersial pada *steam conditions* yang dicadangkan.**

4. Berdasarkan penilaian yang terperinci yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga, pihak 1MDB-Mitsui telah dipilih sebagai *Preferred Bidder* bagi melaksanakan projek loji janakuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 2 x 1000MW di Mukim Jimah, Negeri Sembilan, dengan kadar tarif 25.33 sen/kWj untuk memulakan operasi komersial pada 1 Oktober 2018 dan 1 April 2019.
